

# PRIME'S DEXCHLORAMINE SYRUP 2MG/5ML

Dexchlorpheniramine maleate (2mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dexchloramine
2. Bagaimana Dexchloramine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dexchloramine
4. Cara menggunakan Dexchloramine
5. Semasa menggunakan Dexchloramine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dexchloramine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dexchloramine

Ia digunakan untuk rawatan tanda-tanda alahan rinitis(radang membran mukus dalam hidung) jangka panjang atau bermusim, konjunktiviti(keradangan membran halus yang menutupi bola mata dan lapisan kelopak mata) dan alahan kulit(ruam kulit yang timbul dan gatal) dan angioedema (pembengkakan lapisan dalam pada kulit)

## Bagaimana Dexchloramine berfungsi

Dexchloramine mengandungi antihistamina, dexchlorpheniramine maleate. Histamina ialah bahan kimia yang dibebaskan di dalam badan semasa tindakbalas alergi yang menyebabkan kegatalan dan keradangan. Dexchloramine merencat kesan histamina.

## Sebelum menggunakan Dexchloramine

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil Dexchloramine jika anda mempunyai alahan terhadap bahan aktif atau mana-mana bahan kandungan lain dalam produk ini.
- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Dexchloramine jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Jangan ambil Dexchloramine jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum menggunakan Dexchloramine

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami keadaan berikut:
  - glaukoma (keadaan yang melibatkan pengumpulan bendalir dalam mata)
  - asma akut
  - kegagalan fungsi buah pinggang
  - penyakit tekanan darah tinggi
  - penyakit kelenjar tiroid aktif
  - penyakit kencing manis

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat mungkin berinteraksi dengan dexchlorpheniramine. Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain seperti di bawah:

- barbiturat (sedatif)
- antidepresi trisiklik
- ubat tahan sakit narkotik
- atropin
- perencat monoamine oxidase(antidepresi)

## Cara menggunakan Dexchloramine

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun: 1 camca teh setiap 6-8 jam.

Kanak-kanak 6-12 tahun: ½-1 camca teh setiap 6-8 jam. Kanak-kanak 2-5 tahun: ½ camca teh setiap 6 – 8 jam.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda terlebih dos termasuk pening, ketidakseimbangan, halusinasi, sawan dan depresi pernafasan.

## Semasa menggunakan Dexchloramine

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Dexchloramine.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jangan berkongsi Dexchloramine dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin kerana ia boleh menyebabkan rasa mengantuk. Jangan memandu atau mengendalikan jentera yang mungkin berbahaya. Elakkan minuman beralkohol.

## Kesan-kesan sampingan

Dexchloramine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan berikut pernah dilaporkan: Mengantuk, kering mulut, hidung dan tekak, gangguan gastrousus, dan ruam kulit mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dexchloramine

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap berwarna merah berperisa strawberi.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: dexchlorpheniramine maleate
- Bahan tidak aktif: liquid glucose, metil parabens, propil parabens, perisa strawberi, pewarna merah raspberi, glycerin, sirap dan air.

### - Nombor MAL

MAL19890241AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

18/02/2022

## Nombor siri

BPFK(R4/1)220415/00075